

Volume 20, No. 1  February 2023

**JOURNAL OF**

*Islam in Asia*

A Refereed International Biannual Arabic – English Journal

INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA

أزما  
ينشأ  
الله  
من  
عباده  
العلماء



JOURNAL OF *Islam in Asia*

Volume 20, No. 1 February 2023

ISSN: 1823-0970 E-ISSN: 2289-8077

# *Journal of Islam in Asia*

SPECIAL ISSUE: ISLAMIC CONTEMPORARY RESEARCH

Selected Papers from the International Conference on Islamic  
Contemporary Studies and Management 2021 (ICICM2021)

## **EDITOR-in-CHIEF**

Abdul Salam @ Zulkifli B. Muhamad Shukri

## **EDITOR**

Noor Azlan B. Mohd Noor

## **ASSOCIATE EDITOR**

Homam Altabaa

## **GUEST EDITORS**

Homam Altabaa

Mohd Aizul B. Yaakob

Mohammad Dhiya'ul Hafidh B. Fatah Yasin

Raudlotul Firdaus B. Fatah Yasin

Kamel Ouinez

## **COPY EDITOR**

Nur Mashitah Wahidah Bt. Anuar

## **EDITORIAL ADVISORY BOARD**

---

### **LOCAL MEMBERS**

Abdel Aziz Berghout (IIUM)

Muhammed Mumtaz Ali (IIUM)

Nadzrah Ahmad (IIUM)

Rahmah Bt. A. H. Osman (IIUM)

Sayed Sikandar Shah (IIUM)

Saidatolakma Mohd Yunus (IIUM)

Thameem Ushama (IIUM)

### **INTERNATIONAL MEMBERS**

Abdullah Khalil Al-Juburi (UAE)

Abu Bakr Rafique (Bangladesh)

Anis Ahmad (Pakistan)

Fikret Karcic (Bosnia)

Muhammad Al-Zuhayli (UAE)

Zafar Ishaque Ansari (Pakistan)

Articles submitted for publication in the *Journal of Islam in Asia* are subject to a process of peer review, in accordance with the normal academic practice.

© 2023 by *International Islamic University Malaysia*

*All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, translated, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior written permission of the publisher.*



E-ISSN: 2289-8077

# **Kesopanan Berbahasa Kinayah Al-Quran dalam Mengungkap Makna Hubungan Seks Suami Isteri**

## **The Politeness of Qur'anic Antonomasia Language in Revealing the Meaning of Intimacy**

Abdul Basir Awang @ Mohd Ramli dan Abdallah Saleh Abdallah

### **Abstrak**

Al-Quran adalah kitab Allah yang amat mementingkan adab kesopanan yang tinggi dalam perilaku dan berbahasa pada umatnya. Umat Islam diwajibkan untuk mengungkap kata-kata baik dan makruf dalam semua keadaan. Apa yang menimbulkan sedikit kegusaran dan kepelikan dalam sebahagian manusia ialah bagaimana al-Quran menangani permasalahan penggunaan bahasa yang berunsur seks dalam al-Quran, sedangkan dalam masyarakat umum yang bertamadun, unsur ini adalah suatu yang bersifat tabu. Jadi, tujuan kajian ini ialah mengenalpasti ayat-ayat yang mengandungi unsur-unsur berkenaan. Seterusnya menganalisis unsur - unsur berkenaan berdasarkan kinayah Bahasa Arab. Dapatan kajian ini ialah kewujudan unsur-unsur hubungan seks dalam kinayah al-Quran yang disampaikan dengan bahasa yang cukup sopan dan tidak menyinggung perasaan manusia yang waras. Tambahan lagi hubungan itu adalah *sunnatullah* yang diciptakan untuk manusia. Selain itu, pengolahan makna hubungan seks dalam al-Quran bersifat ilmiah dan pemakluman hukum, bukan bertujuan membangkitkan syahawat. Implikasi kajian ini ialah al-Quran secara konsisten sebagai petunjuk dan pembimbing kepada manusia. Ia merangkumi semua aspek kehidupan termasuk bahasa seks yang disampaikan dengan cara yang paling sempurna.

**Kata Kunci:** Kesopanan Bahasa, Kinayah Al-Quran, Tanda Kinayah, Hubungan Seks dan Tabu.

### **Abstract**

Al-Quran is the book of God that places great importance on high politeness in behavior and language for His servants. Muslims are obliged to express good and nice words in all circumstances. What causes a little annoyance and strangeness for the people is how the Qur'an deals with the issue of the use of language with sexual elements in the Qur'an, while in the general civilized society, this element is prohibited.

## Kesopanan Berbahasa Kinayah Al-Quran dalam Mengungkap 329 Makna Hubungan Seks Suami Isteri

So, the purpose of this study is to identify the sentences that contain the relevant elements. Next, to analyze the relevant elements based on the Arabic language. The findings of this study are the existence of elements of sexual relations in the Qur'anic antonomasia which is delivered in a language that is quite polite and does not offend the feelings of Muslims. In addition, the relationship is natural, created by God created in humans. In addition, the treatment of the meaning of intimacy in the Qur'an is scientific and legally elaborate, not aimed at arousing sexual desire. The implication of this study is that the Qur'an is consistently a guide for humans. It covers all aspects of life including the language of intimacy delivered in the most perfect way.

**Keywords:** Politeness of Language, Quranic Antonomasia, Signs of Antonomasia, Sex and Taboo.

### Pengenalan

Islam amat mementingkan kesopanan dalam semua aspek kehidupan sama ada dalam tingkah laku atau perbualan. Hal bertepatan dengan sumber hukum Islam, iaitu al-Quran<sup>1</sup> dan Hadith<sup>2</sup> yang mewajibkan kepada umat Islam untuk bercakap dengan percakapan yang benar, baik, makruf dan lembut. Begitu juga Islam mengharamkan percakapan lucah<sup>3</sup>. Hal yang sama dalam masyarakat dan budaya Melayu, unsur bahasa yang mengandungi unsur seks dianggap sebagai tabu, iaitu larangan dari diperkatakan secara terbuka dan menjadi pantang larang. Antaranya, perkataan yang melibatkan aktiviti seks dan hasilnya, kematian dan najis. Jadi, untuk mengelak keadaan tersebut, maka digunakan perkataan lain yang memberi makna yang sama seperti bercampur, hubungan kelamin, meniduri, hubungan intim, bunting pelamin, berbadan dua, bunting, buang air kecil dan besar dan

---

<sup>1</sup> Al-Qur'an al-karim, antaranya: "katakanlah kepada sesama manusia perkataan-perkataan yang baik" .... (Al-Baqarah: 83) dan "(Menolak peminta-peminta sedekah) dengan perkataan yang baik dan memaafkan (kesilapan mereka) adalah lebih baik daripada sedekah (pemberian) yang diiringi (dengan perbuatan atau perkataan yang) menyakitkan hati" ... (al-Baqarah: 263)

<sup>2</sup> Al-Bukhari (10/375) dan Muslim (2165), dari Aisyah (rd) berkata: "Sesungguhnya Allah Maha Lembut dan menyukai kelembutan dalam segala urusan".

<sup>3</sup> Al-Quran al-karim, antaranya: "Katakanlah (wahai Muhammad) sesungguhnya Allah tidak sekali-kali menyuruh mengerjakan perbuatan yang keji" ... (al-A'raf:28) dan "Katakanlah: Sesungguhnya Tuhanku hanya mengharamkan perbuatan-perbuatan yang keji, sama ada yang nyata atau yang tersembunyi; dan perbuatan dosa". (al-A'raf: 33)

sebagainya<sup>4</sup>. Apa yang menjadi permasalahan utama ialah kewujudan perkataan yang berunsur seks dalam al-Quran, pada masa yang sama al-Quran mewajibkan umat ini untuk berbahasa dengan bahasa yang baik dan makruf. Penggunaan kinayah dalam al-Quran adalah salah satu cara untuk menjadikan bahasa yang menjadi tabu kepada umat Islam pada suatu keadaan dibenarkan dalam keadaan yang lain.

### **Konsep Kinayah Al-Quran**

Dari segi bahasa, kinayah mempunyai beberapa makna dengan merujuk kepada kata akar yang sama, iaitu (كَيْ يُكَيِّ، وَيَكْنُو كِنَايَةً) yang bererti sesuatu kata-kata yang tidak ditunjuk atau dimaksudkan dengan makna zahir (al-Farāhidī, 2001:856). Selain itu, ia juga merujuk kepada sesuatu kata-kata yang diungkapkan tanpa merujuk makna asal perkataan berkenaan.

Al-Zamakhsharī (2001:659) menjelaskan kinayah dari segi bahasa juga merujuk kepada *al-amthāl*, iaitu kata-kata yang diungkapkan oleh pemilik mimpi (kata yang tidak jelas) sebagai kinayah dari perkara-perkara yang jelas. Makna bahasa juga merujuk kepada suatu sistem panggilan bahasa Arab yang disebut sebagai. Contohnya seorang bapa yang bernama Abdullah mempunyai seorang anak bernama Muḥammad. Maka selain dipanggil dengan nama Abdullah, ia juga dipanggil sebagai Abu Muḥammad merujuk kepada *kuniyyah*<sup>5</sup>. Penggunaan nama Abdullah adalah secara denotasi dan *kuniahnya* adalah kinayah atau konotasi. Kinayah dari segi bahasa juga merujuk kepada makna yang terselindung atau tersembunyi di sebalik makna denotasi, contohnya, firman Allah:

(Al-Maidah:6) أَوْ لَمَسْتُمُ النِّسَاءَ .

Maksudnya: atau kamu sentuh perempuan ....<sup>6</sup>

---

<sup>4</sup> Abdul Basir Awang, Simpulan Bahasa Melayu sebagai padanan kinayah al-Quran, Tesis Ph.D., UKM, 2017, Bangi.

<sup>5</sup> Kata nama khas yang digunakan terhadap manusia, binatang dan tempat yang dimulai dengan kata nama seperti *abb*, *umm*, *akh*, *ukht*, *‘amm*, *‘ammah*, *khāl* dan *khālah*. Penggunaannya untuk merujuk kepada kemuliaan dan kebesaran penama. (al-Zamakhsharī, 2001: 552-553)

<sup>6</sup>Semua terjemahan ayat al-Qur’an dalam kajian ini berdasarkan Tafsir Pimpinan al-Qur’an kepada Pengertian al-Qur’an, edisi kelapan, (Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal, Jabatan Perdana Menteri, 1987).

**Kesopanan Berbahasa Kinayah Al-Quran dalam Mengungkap 331**  
**Makna Hubungan Seks Suami Isteri**

Ibn Mas'ūd, Ibn 'Umar dan al-Shāfi'ī (dalam al-Shawkānī, 1877: 1/194) menjelaskan *lamasa* dalam ayat dengan makna denotasi, yaitu menyentuh dengan tangan. Manakala Ibn 'Abbās, 'Aṭā', Abu Hanifah (dalam al-Shawkānī, 1877: 1/194) dan Ibn Athīr (1939:2/195-196) menjelaskan ayat di atas merujuk kepada makna kinayah, yaitu jimak yang berada di sebalik makna denotasi, yaitu menyentuh antara kulit lelaki dan perempuan. Kedua-dua makna ini, denotasi dan konotasi adalah saling lengkap-melengkapi.

Dari segi istilah, terdapat pelbagai definisi daripada ulama' bayan. Antara definisi awal yang dikeluarkan oleh Abū 'Ubaydah (2006: 2/73) ialah suatu uslub balaghah dan *barā'ah* (bijak) yang berbentuk umum merangkumi semua unsur tersirat dan ia tidak disebut secara jelas pada suatu perkataan. Contohnya, firman Allah:

حَتَّى تَوَارَتْ بِالْحِجَابِ ... (Ṣād: 32)

Maksudnya: ... sehingga ia melindungi dirinya dengan tirai malam.

Dan firman Allah lagi:

كُلُّ مَنْ عَلَيْهَا فَانٍ ... (al-Rahmān:26)

Maksudnya: Segala yang ada di muka bumi itu akan binasa.

Pada ayat pertama, ganti nama yang tidak jelas bagi الشمس dan ayat kedua gantinama ketiga (ها) adalah kinayah bagi perkataan *damīr* sebagai kinayah daripada perkataan الأرض.

Manakala 'Abd al-Qāhir al-Jurjānī (2010:122) memberikan definisi kinayah dengan menyatakan sesuatu makna tanpa menyebut lafaznya secara jelas dengan cara mendatangkan lafaz yang mengandungi makna kedua (tambahan), berisyarat dan mempunyai tanda-tanda yang difahami maknanya (makna asal yang dikehendaki). Definisi yang hampir sama juga diberikan oleh al-Sakkākī (1987:402) dengan lafaz yang berbeza, iaitu meninggalkan lafaz yang jelas kepada makna *malzūm*, perpindahan makna perkataan yang disebut (denotasi) kepada makna perkataan yang ditinggalkan (konotasi). Dalam kata-kata yang lain, ia bermaksud perpindahan makna *lāzim* kepada makna

*malzūm*<sup>7</sup>. Manakala Ibn Athīr (1939:2/194) mendefinisikan kinayah dengan katanya ia ialah suatu lafaz yang menunjukkan sesuatu makna yang mempunyai dua aspek, denotasi dan konotasi secara bersama majaz dan hakiki. Al-Qazwaynī (1995:183), Amīn (2001:139) dan al-Hāshimī (2002:272) menjelaskan bahawa kinayah ialah suatu lafaz yang dikehendaki dengan makna konotasi dan juga boleh difahami secara denotasi<sup>8</sup>. Konsep ini merupakan konsep yang banyak didokong oleh ahli balaghah moden seperti Ḥasan Ṭabal .

Bagaimanapun, Ḥasan Ṭabal (1999:146) berbeza pendapat dengan menjelaskan bahawa frasa “kinayah juga difahami secara denotasi” perlu dikaji kesahihannya. Hal ini disebabkan terdapat contoh kinayah yang tidak menepati konsep tersebut. Antaranya kata-kata Arab *أم قسطل* dan *الكرم في برديه المجد بين ثوبيه*<sup>9</sup>. Pandangan beliau ini sebenarnya bukan suatu yang baru. Ibn Athīr (1939:2/194-197), al-<sup>c</sup>Alawī (1983:2/375-376) dan al-Zamakhsharī (1966:1/627)<sup>10</sup> telah menjelaskan bahawa uslub kinayah ini adalah uslub majazi yang tidak boleh difahami secara denotasi. Bagi mereka, kinayah adalah ilmu *isti‘ārah* atau majaz. Oleh kerana itu, Ḥasan Ṭabal (1999:153) mendefinisikan kinayah sebagai suatu uslub majazi yang mengandungi kata-kata yang kebanyakannya boleh difahami secara denotasi di samping makna majazi yang dikehendaki. Terdapat juga definisi yang agak berbeza tetapi tidak lari dari konsep ahli balaghah silam.

Rumusan daripada definisi-definisi tersebut ialah kinayah merujuk kepada suatu lafaz yang difahami dengan makna konotasi. Cuma struktur bahasanya juga boleh difahami dengan makna denotasi.

<sup>7</sup> Makna *malzūm* bagi al-Sakkākī ialah makna *kinā’i* dan makna parkataan yang ditinggalkan ialah makna hakiki (°Abd al-Muta°al al-Sa°idī. t.th. 3/173)

<sup>8</sup>Muḥammad °Alī Ibn Ḥusayn al-Malikī (2012:283) menyatakan bahawa setiap kinayah itu wajib mempunyai makna denotasi dan konotasi.

<sup>9</sup>Dua contoh yang pertama memberi maksud kemuliaan antara dua bajunya, iaitu pemilik baju, manakala contoh terakhir bermaksud peperangan.

<sup>10</sup>Walaupun definisi kinayah bagi beliau adalah majazi dan tidak difahami secara denotasi, tetapi dalam karyanya *al-Kashshāf* beliau telah menyalahi definisi sendiri dengan menyebut bahawa ia juga boleh difahami secara zahir. Sebagai contoh, ayat 23 dalam surah al-Nisa’ beliau menyatakan “ia adalah kinayah dari jimak seperti suatu kata-kata yang terlindung, iaitu kamu memasukkan kepada mereka secara rahsia (al-Zamakhsharī, (1/517). Begitu juga contoh kedua ayat 34 surah al-Nisa’, beliau berkata “ia adalah kinayah dari jimak, dikatakan juga tidur dengan membelakangannya (isteri) (al-Zamakhsharī, 1/524). Manakala dalam ayat lain (1/175) beliau menyatakan *marāḍ* (في قلوبهم مرض) dalam ayat al-Qur’an boleh difahami dengan makna denotasi dan konotasi.

Bagaimanapun, ia berbeza dengan majaz<sup>11</sup> kerana makna denotasinya boleh difahami dalam banyak keadaan. Dalam keadaan tertentu terutamanya kinayah *mawṣūf* dan kinayah yang berkaitan dengan perbuatan dan sifat Allah, ia juga boleh difahami tanpa makna denotasi. Kinayah juga berbeza dengan *isti'ārah* kerana ia adalah gabungan unsur majaz dan *tashbīh*.

Perbezaan definisi kinayah seperti yang telah dibincangkan sebelum ini adalah disebabkan perbezaan untuk menentukan hakikat kinayah, adakah ia majaz atau hakikat atau unsur lain yang berada di antara kedua-dua unsur itu. Al-Mālikī (2012:283) menyebut sekurang-kurangnya lima pandangan dalam masalah ini<sup>12</sup>. Pertama, kinayah boleh menjadi perantara antara denotasi dan konotasi atau gabungan antara kedua-duanya. Kedua, ia adalah denotasi. Ketiga, ia adalah konotasi. Keempat, konotasi dan denotasi. Kelima, ia sentiasa menjadi perantara dan denotasi. Perbezaan pandangan tersebut sebenarnya tidak mengurangkan nilai kinayah, bahkan ia menjadikan kinayah suatu seni percakapan yang amat berbeza dengan unsur-unsur bayan yang lain.

#### **Data yang mempunyai Kinayah Hubungan Seks**

Kajian ini telah membuat pembacaan terhadap dua buah karya tafsir al-Qur'an, iaitu *Tafsīr al-Munīr* oleh Wahbah al-Zuhaylī dan *Ṣafwah al-tafāsīr* oleh Muhammad 'Alī al-Ṣābūnī. Faktor utama pemilihan sumber data di atas adalah seperti berikut:

1. Dua karya ini adalah karya kontemporari yang menjelaskan konsep kinayah yang disepakati oleh kebanyakan sarjana balaghah Arab. Hal ini disokong oleh kajian Yayan Nurbayan (2010).
2. Karya-karya ini amat menekankan unsur balaghah sehingga meletakkan tajuk khas (البلاغة) sebagai satu topik perbincangan balaghah.

---

<sup>11</sup> Perbezaan ketara antara majaz dan kinayah ialah makna denotasi dalam majaz tidak dapat difahami kerana *qarīnah* yang tidak membenarkan. Selain itu, majaz adalah perpindahan makna *malzūm* kepada makna *lāzim*. Kinayah adalah sebaliknya (Azman Azizan, 2004:20-21). Pandangan ini diasaskan oleh al-Qazwayni yang berbeza dengan al-Sakkākī dari segi istilah *lāzim* dan *malzūm*. Makna *al-kinā'i* pada pandangan al-Sakkākī, al-Dusūqī ialah *malzūm* dan pandangan al-Qazwaynī sebaliknya.

<sup>12</sup> Al-Suyūṭī menyatakan empat mazhab, iaitu konotasi, denotasi, bukan denotasi dan konotasi dan bersifat kedua-dunya (Al-Suyūṭī, 1368:173)



3. Karya-karya ini mendapat pengiktirafan dunia Islam termasuk Malaysia<sup>13</sup>.

Data kajian dikeluarkan daripada pada sumber data dengan meneliti unsur kinayah dalam al-Qur'an melalui sumber data (*Tafsir al-Munir* oleh Wahbah al-Zuhayli dan *Safwah al-tafsir* oleh Muhammad 'Alī al-Ṣābūnī.

1. Kinayah al-Qur'an terdiri daripada pada perkataan-perkataan biasa yang jika difahami secara tunggal (tanpa jalinan perkataan), maka ia tidak mempunyai kelebihan apa-apa daripada segi makna. Oleh kerana itu, kajian ini mengambil data kinayah BA dalam al-Qur'an daripada sumber-sumber data berkenaan atas sifat data berkonteks yang dapat menjelaskan penggunaan bahasa dengan lebih tepat. Azhar M. Simin (dalam Leech, 1993: Prakata & 357) menghuraikan perkara yang sama, iaitu bahasa yang dihuraikan secara konteks lebih memperlihatkan fungsi yang berkesan dan pembahagian secara tepat. Sebaliknya penggunaan data secara serpihan atau tunggal akan menyebabkan kegagalan memahami bahasa dan tidak dapat menggambarkan pemikiran penutur bahasa dengan tepat.
2. Data yang diambil daripada sumber adalah data yang disepakati oleh kedua-dua sumber. Ia adalah hasil daripada pemerhatian kajian terhadap al-Quran secara keseluruhannya daripada surah al-Fatihah sehinggalah surah al-Nas melalui dua sumber data KA berkenaan dengan cara-cara seperti berikut;
  - i. Pernyataan daripada sumber data secara jelas, contohnya kata-kata pengkaryanya هذه كناية (ini adalah suatu kinayah).
  - ii. Perkataan kinayah dalam semua bentuk pola kata nama dan kerjanya contohnya كناية (kinayah), كنى (kana) atau كني (kuniya).
  - iii. Mengeluarkan unsur bahasa kiasan BA lain yang bukan daripada kinayah seperti *isti'ārah*, *tashbīh* ataupun *majāz*.
  - iv. Data kinayah BA yang diberikan oleh kedua-dua sumber mesti selari dengan konsep kinayah dalam kajian ini. Selain itu, kajian ini juga merujuk beberapa tafsir lain untuk memastikan data yang terdapat dalam kedua-dua

<sup>13</sup> Sila rujuk bab 2, KA dalam karya sumber kajian. Dr. Wahbah al-Zuhayli dinobat sebagai tokoh Maal Hijrah Kebangsaan 1430H / 2008M (UM, 30/12/2008), [https://ar.wikipedia.org/wiki/وهبة\\_الزحيلي](https://ar.wikipedia.org/wiki/وهبة_الزحيلي) dan [https://ar.wikipedia.org/wiki/محمد\\_علي\\_الصابوني](https://ar.wikipedia.org/wiki/محمد_علي_الصابوني).

**335**

**Kesopanan Berbahasa Kinayah Al-Quran dalam Mengungkap  
Makna Hubungan Seks Suami Isteri**

tafsir itu mempunyai nilai *majazi* yang menjadi asas kepada kinayah Arab. Antara tafsir yang menjadi rujukan kedua adalah *tafsir al-Ṭabarī*, *al-Qurtubī*, *al-Kashshāf* dan *al-Taḥrīr wa al-tanwīr*.

Akhirnya penulis mendapati 7 data (ayat) kinayah al-Quran yang disebut sebagai kinayah dalam *Tafsir al-munīr* (TM) dan *Ṣafwah al-tafāsīr* (ST). Berikut adalah data yang disepakati oleh kedua-dua kitab berkenaan.

Bil	Surah: ayat	Teks al-Quran	Terjemahan ayat
1.	Al-Baqarah: 187	أَحِلَّ لَكُمْ لَيْلَةَ الصِّيَامِ الرَّفَثُ إِلَى نِسَائِكُمْ...	Dihalalkan bagi kamu, pada malam hari puasa, bercampur (bersetubuh) dengan isteri-isteri kamu
2.	Al-Baqarah: 222	فَاعْتَزِلُوا النِّسَاءَ فِي الْمَحِيضِ وَلَا تَقْرُبُوهُنَّ حَتَّى يَطْهُرْنَ فَإِذَا تَطَهَّرْنَ فَأْتُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ أَمَرَكُمُ اللَّهُ ۗ	Oleh sebab itu hendaklah kamu menjauhkan diri dari perempuan (jangan bersetubuh dengan isteri kamu) dalam masa datang darah haid itu, dan janganlah kamu hampiri mereka (untuk bersetubuh) sebelum mereka suci. Kemudian apabila mereka sudah bersuci maka datangilah mereka menurut jalan yang diperintahkan oleh Allah kepada kamu.
3.	Al-Baqarah: 223	نِسَاؤُكُمْ حَرْثٌ لَكُمْ فَأَتُوا حَرْثَكُمْ أَيْنَ شِئْتُمْ	Isteri-isteri kamu adalah sebagai kebun tanaman kamu, oleh itu datangilah kebun tanaman kamu menurut cara yang kamu sukai
4.	Al-Baqarah: 237	وَأَنْ طَلَقْتُمْوهنَّ مِنْ قَبْلِ أَنْ تَمْسُوهُنَّ	Dan jika kamu ceraikan mereka sebelum kamu sentuh (bercampur) dengan mereka,

5.	Al-Nisa': 34	<p>وَاللَّائِي تَخَافُونَ نُشُوزَهُنَّ فَعِظُوهُنَّ وَاهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ وَاصْرَبُوهُنَّ ۗ</p>	<p>Dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan perbuatan derhaka (nusyuz) hendaklah kamu menasihati mereka, dan (jika mereka berdegil) pulaukanlah mereka di tempat tidur, dan (kalau juga mereka masih degil) pukulah mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya).</p>
6.	Al-Nisa': 23	<p>وَرَبَائِبِكُمُ اللَّائِي فِي حُجُورِكُمْ مِّن تِّسَائِكُمُ اللَّائِي دَخَلْتُم بِهِنَّ فَإِن لَّمْ تَكُونُوا دَخَلْتُم بِهِنَّ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ</p>	<p>dan anak-anak tiri yang dalam pemeliharaan kamu dari isteri-isteri yang kamu telah campuri; tetapi kalau kamu belum campuri mereka (isteri kamu) itu (dan kamu telahpun menceraikan mereka), maka tiadalah salah kamu (berkahwin dengannya)</p>
7.	Maryam: 20	<p>قَالَتْ أَنَّىٰ يَكُونُ لِي غُلَامٌ وَلم يَمَسِّنِي بَشَرٌ وَلم أَكُ بَعِيًّا</p>	<p>Maryam bertanya (dengan cemas): Bagaimanakah aku akan beroleh seorang anak lelaki, padahal aku tidak pernah disentuh oleh seorang lelaki pun, dan aku pula bukan perempuan jahat?</p>

### Dapatan Kajian

Data menunjukkan bahawa hubungan seks suami isteri disebut dalam al-Quran dengan cara kinayah. Walaupun begitu ia bukan suatu yang mengaibkan, bahkan ia suatu nilai bahasa yang cukup tinggi kesopanannya. Hal ini dibincangkan dalam bab ini melalui tajuk-tajuk kecil, iaitu adab berbahasa, tanda kinayah bentuk kosa kata yang digunakan, jenis kinayah dan kinayah dengan kontek.

### Adab Berbahasa

Faktor adab Islami dan budaya yang mementingkan kesopanan adalah antara faktor utama penggunaan kinayah dalam al-Qur'an. Faktor ini bertujuan mendidik manusia agar bersifat dan bersikap dengan

akhlak yang terpuji dengan menghindari kata-kata yang boleh merangsang jiwa ke arah perkara negatif, naluri yang tidak sihat dan perasaan yang keruan. Dalam budaya Islam dan Arab, terdapat perkara-perkara atau ungkapan-ungkapan yang tidak sesuai diungkapkan dengan jelas. Menurut al-Tha'ālibī (1991:26) antara tajuk-tajuk yang tidak sesuai diungkapkan dengan jelas ialah berkaitan dengan seks, anggota peranakan, wanita, penyakit-penyakit dan perbuatan-perbuatan yang kasar. Kalau adapun perkataan berkenaan yang disebut secara jelas, ia tidak membangkitkan naluri negatif. Maknanya, ia tidak disertakan dengan tanda atau keadaan yang menjadikan kata-kata itu bersifat negatif. Contohnya firman Allah:

(Al-Ahzab :35) وَالْحَافِظِينَ فُرُوجَهُمْ وَالْحَافِظَاتِ

Maksudnya: dan orang-orang lelaki yang memelihara kehormatannya serta orang-orang perempuan yang memelihara kehormatannya.

Perkataan *furūj* dalam ayat tersebut sememangnya bermaksud kemaluan tetapi tanda ayat tidak mendatangkan sesuatu yang negatif. Tambahan lagi, gambaran yang diberikan adalah berkaitan dengan ciri-ciri orang yang khusyuk dalam solatnya.

Dalam kajian ini, terdapat 7 tempat kinayah al-Qur'an yang bermaksud hubungan seks. Antara kata-kata yang digunakan ialah *al-dakhl* (masuk) *al-lāmas* (bersentuhan) *al-qurb* (menghampiri) *al-ityan* (datang), *al-mass* (sentuhan), *i 'tizal* (biarkan seseorang) dan *al-hajr* (pisahkan). Perkataan ini pada zahirnya tidak mengandungi apa-apa makna melainkan makna denotasi. Tetapi petunjuk kinayah dalam ayat menyebabkan ia tidak boleh diberi makna denotasi sebaliknya berpindah kepada makna konotasi yang sesuai dengan ayat, iaitu hubungan seks.

### **Tanda Kinayah**

Perkara yang menentukan dan menjelaskan sesuatu perkataan itu kinayah atau sebaliknya adalah tanda kinayah (*qarinah*). Selain itu tanda kinayah juga dapat menentukan kadar dan tingkat sesuatu makna. Secara umumnya tanda kinayah difahami melalui pembahagian kepada dua jenis, iaitu *aqliyyah* dan *haliyyah siyaqiyyah*<sup>14</sup>. Dalam topik ini terdapat dua langkah utama yang perlu dilalui sebelum diketahui

---

<sup>14</sup> ABA, Ph. D 201.

sebagai kinayah. Pertama, tanda yang mengenalpasti antara kinayah dan unsur *balaghi* yang lain seperti majaz, istiarah dan tashbih, makna denotasi dan konotasi. Kedua, dengan melihat siyaq dan keseluruhan ayat maka akan diketahui makna kinayah yang dikehendaki.

Data kajian ini menunjukkan makna perkataan yang dimiliki boleh difahami secara denotasi seperti **bisikan syahwat, datang, masuk, dekati, sentuh** dan **pisah tempat tidur** adalah perkataan yang mudah difahami secara denotasi. Akan tetapi, adakah makna denotasi yang dikehendaki dalam ayat-ayat berkenaan. Tanda kinayah kedua adalah *siyaqiyyah haliyyah* akan melihat keseluruhan ayat dan seterusnya mendapatkan makna yang dikehendaki. Jadual berikut menerangkan tanda kinayah berkenaan dalam sebahagian data.

Bil	Makni bihi	<i>Siyaqiyyah haliyyah</i>
1.	<i>Rafath</i>	Ayat menjelaskan berkaitan puasa dan larangannya. Antaranya, larangan mengadakan hubungan kelamin. Apabila dinyatakan diharamkan kepada kamu pada malam Ramadan <i>rafath</i> isteri kamu, ia bukan bermaksud sekadar kata-kata sahaja, bahkan hubungan kelamin. Hubungan antara denotasi dan konotasi adalah makna denotasi pemulaan dan konotasi pengakhiran.
2.	Datangkanlah tanaman kamu	Siyaq ayat menjelaskan wanita umpama ladang yang boleh mendatangkan hasil mahsul (anak). Jadi, sekadar hanya datang tanpa hubungan yang betul pada tempatnya, maka ia tidak akan menghasilkan apa-apa natijah <sup>15</sup> . Hubungannya makna denotasi (datang pada tempatnya) dan konotasi (hubungan kelamin) adalah makna denotasi sebagai usaha awal.
3.	Sentuh	Siyaq ayat menjelaskan Maryam terkejut apabila dimaklumkan akan mendapat anak. Lalu dijelaskan beliau belum pernah disentuh oleh lelaki. Perkataan sentuh adalah denotasi dan konotasinya adalah hubungan kelamin. Semua mengetahui termasuk Maryam sentuhan semata-mata tidak akan menghasilkan anak. Hubungan makna antara denotasi dan konotasi adalah permulaan dan

<sup>15</sup> Lihat juga al-Sa'idi, 1999, Abd al-Mutacal, Bughyatuh al-Idah li talkhis al-Miftah fi ulum balaghah, maktabah al-Adab: kaheerah, hlm 2/131.

**Kesopanan Berbahasa Kinayah Al-Quran dalam Mengungkap 339  
Makna Hubungan Seks Suami Isteri**

		pengakhiran. Makna tambahan dari kata-kata Maryam adalah tahap kesucian beliau yang cukup tinggi.
4.	Jangan dekati mereka sehingga mereka suci	Siyaq ayat menerangkan hubungan suami isteri ketika isteri berada dalam keadaan haid. Allah tidak membenarkan suami mendekati (denotasi) isteri yang berhaid, sedangkan tiada hukum yang mewajibkan suami berjauhan dengan isteri berhaid. Maka mendekati di sini bermaksud dengan konotasi iaitu hubungan kelamin. Islam melarang suami mengadakan hubungan kelamin dengan isteri berhaid. Hubungan makna denotasi dan konotasi adalah muqaddimah kepada hubungan kelamin.

**Bentuk Kosa Kata**

Dalam Bahasa Arab khususnya al-Quran, setiap bentuk perkataan mempunyai tugas dan fungsinya yang tersendiri. Terdapat dua bentuk kosa kata yang digunakan dalam data kajian ini, iaitu kosa kata *mufrad* dan *tarkib isnadi*. Berikut adalah jadual bentuk kosa kata dalam kajian ini.

Kata nama <i>mufrad</i>	Kata kerja		
	الماضي	المضارع	الأمر
الرفث	دخلتم	لا تقربوهن أن تمسوهن لم يمسنني	واهجروهن في المضاجع فاعتزلوا النساء في المحيض فأتوهن من حيث أمركم الله فأتوا حرثكم

Kinayah al-Quran melalui kata *mufrad* hanya pada perkataan *rafath*. Al-Zamakhsharī (1998:301) dan Ibn Manzūr (2003:4/193) menjelaskan makna denotasi perkataan *al-rafath* ialah kata-kata atau bisikan lucu dan kurang elok didengari serta boleh membangkitkan syahwat. Manakala makna konotasi perkataan berkenaan ialah

bersetubuh. *Al-Rafath* tidak boleh difahami dengan makna denotasi sahaja kerana petunjuk kinayah yang ada seperti halal pada kamu isteri kami pada malam Ramadan menunjukkan perbuatan yang diharamkan siangnyanya sebagai suami isteri adalah bersetubuh. Kinayah dalam ayat ini menjelaskan proses permulaan hubungan seks itu dengan ungkapan yang membangkitkan naluri seks. Dalam Bahasa Arab, kata nama kebiasaannya merujuk kepada suatu berterusan dan tetap. Ia bersesuaian dengan hukum asal adalah diharuskan melakukannya pada malam-malam Ramadan. Tiada suatu hukum pun yang menjelaskan perbuatan tersebut pernah diharamkan suatu ketika sebelum dihalalkan kembali.

Hampir keseluruhan kosa kata kinayah dalam kajian ini terdiri dari kata kerja. Sifat kata kerja dalam Bahasa Arab merujuk kepada suatu tindakan @ perbuatan tertentu berdasarkan masa dan tidak memberi makna yang berterusan. Semua kata kerja dalam data menunjukkan kinayah, iaitu hubungan kelamin suami isteri dan juga boleh difahami dengan makna denotasi. Dari segi makna bentuk kata kerja kinayah ia adalah makna perbuatan yang amat biasa, tetapi apabila mengandungi makna konotasi maka makna kata kerja itu menjadi suatu yang cantik dan beradab.

Jadi, adab berbahasa dalam kinayah al-Qur'an adalah mengelak menggunakan bahasa yang tidak sesuai dilafazkan secara zahir mengikut keadaan semasa. Adab sebegini menjadikan umat Islam khususnya umat yang menjaga hati dan perasaan orang lain dengan cara menghormati budaya dan bahasa sesuatu bangsa.

### **Jenis Kinayah**

Jenis kinayah terdiri daripada tiga jenis, kinayah *mawsuf*, kinayah sifat dan kinayah nisbah. Data kajian menunjukkan kinayah yang terlibat dalam kajian ini semuanya bersifat kinayah *mawsuf*. Kinayah *mawṣūf* ialah suatu kata, sifat atau lafaz yang menunjukkan makna zat dan suatu kefahaman menyeluruh terhadap sesuatu. Kinayah *mawsuf* mempunyai kelebihan tersendiri dalam kajian ini. Antaranya ia menerangkan sesuatu konsep dengan mudah dan menyeluruh dengan menyebut beberapa keadaan sifat sudah memadai untuk difahami dengan makna konotasi. Contohnya perkataan sentuh dan diberi gambaran tentang anak pada wanita yang terhormat sudah pasti bukan merujuk kepada sentuhan biasa dengan makna denotasi, bahkan ia gambaran yang lebih mendalam. Kinayah *mawsuf* juga membantu meningkatkan tahap

kesopanan dalam berbahasa kerana sesetengah tidak sesuai untuk disebut secara jelas. Contohnya hubungan kelamin suami isteri. Hubungan lain dalam kinayah mawsuf adalah melibatkan tempat. Contohnya “isteri kamu adalah ladang kamu untuk bercucuk tanam, datangilah mereka...”- pada tempatnya dengan melakukan hubungan kelamin suami isteri.

### **Kinayah dengan Konteks (Jalinan Perkataan)**

Kinayah al-Quran bukan berdasarkan perkataan tertentu seperti kiasan Bahasa Melayu yang dipatenkan sebagai bahasa kiasan Melayu, sebaliknya kinayah al-Quran difahami secara makna *siyaqi*. Ia bukan berdasarkan perkataan khusus tertentu sebaliknya gabungan perkataan dan makna yang membentuk kinayah al-Quran. Semakin jelas tanda kinayah dalam *siyaq*, maka semakin jelas dan tepat sesuatu kinayah.

### **Kesimpulan**

Al-Quran kalamullah yang tiada di dalamnya kata-kata lucu membangkitkan nafsu syahwat. Jika terdapat perkataan tertentu yang disebut secara jelas, ia sesuai pada tempatnya, tidak membangkitkan nafsu syahwat. Al-Quran menggunakan bahasa yang mudah difahami manusia walaupun yang tidak disebut secara jelas. Kinayah adalah salah satu cara yang unik untuk menggambarkan makna-makna yang sukar disebut secara jelas. Kinayah terlibat taakul manusia dengan bahasa dan situasi semasa. Ia adalah lambang kebijaksanaan penuturnya untuk memahami maksud yang sebenar.

### **BIBLIOGRAFI**

Abdul Basir Awang. *Simpulan Bahasa Melayu sebagai padanan kinayah al-Quran*. Tesis Ph.D. UKM. 2017.

Abū Manṣūr al-Thacālibī. T.th. *Al-Kināyah al-cArabiyyah*. t.tp.: Maktabah Ibn Sinā.

Abū Ubaidah, Macmar ibn al-Muthannā al-Taymī. *Majāz al-Qur’ān*. Thq. Aḥmad Farīd al-Mazyādī. Beirūt: Dār al-Kutub al-cIlmiyyah. 2006.



Al-Alawi, Yahya ibn Hamzah. *al-Taraz li asrar al-balaghah wa ulum haqaiq al-icjaz*. Beirut: al-Maktabah al-'Unsuriyyah. 1423.

Al-Bukhārī. *Fath al-bārī bi sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī li Ibn Ḥajar al-cAsqalānī*. Beirut: Dār al-Fikr. 2000.

Al-Farāhidī, Abd al-Raḥmān al-Khalīl Ibn Aḥmad. *Kitāb al-cAyn*. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-cArabī. 2001.

Al-Hāshimī, al-Sayyid Aḥmad. *Jawāhir al-balāghah fī al-macānī wa al-bayān wa al-badīc*. Kaherah: Dār al-Afāq al-cArabiyyah. 2002.

al-Jurjanī, cAbd al-Qāhir ibn 'Abd al-Raḥmān Muḥammad. *Sharḥ dalā'il al-icjāz li Muḥammad Ibrāhīm Shādī*. al-Manṣūrah: Dār al-Yaqīn. 2010.

Al-Mālikī, Muḥammad cAlī Ibn Ḥusain. *Al-Ḥawāshī al-naqiyyah calā al-balāghah li nakhbah al-afāḍil al-azhariyyah*. Edit: Ilyās Qablān. Beirut: Dār al-Kutub al-cilmiyyah. 2012.

Al-Qazwaynī, Sacad al-Dīn Abī Muḥammad Abd al-Raḥmān. 1993. *Al-Īdāh fī culūm al-balāghah*. Shr. Muhammad cAbd al-Muncim al-Khafājī. Beirut: Dār al-Jil.

Al-Qur'an Al-Karim. *Tafsir Pimpinan Rahman*. Cet. 8. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, JPM., 1987.

Al-Ṣabūnī, Muḥammad cAlī. *Ṣafwah al-tafāsīr*. Jakarta: Dār al-Kutub al-Islamiyyah. 1999.

Al-Sacīdī, cAbd al-Mutacāl. t.th. *Bughyat al-īdāḥ li talkhīṣ al-miftāḥ fī culūm al-balāghah*. Kaherah: Maṭḥabat al-Namuzajjiyyat.

Al-Sakkākī, Abū Yackūb Yūsuf Ibn Abī Bakar Ibn cAlī. *Miftāḥ al-culūm*. Ctk.2. Beirut: Dār al-Kutub al-cilmiyyah. 1987.

Al-Shawkānī, Muhammad ibn cAlī ibn Muhammad. *Nayl al-awtār min aḥādīth Sayyid al-akhyār*. Kaherah: Maktabah Dār al-Turāth. 1877.

**Kesopanan Berbahasa Kinayah Al-Quran dalam Mengungkap Makna Hubungan Seks Suami Isteri** **343**

Al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn, Abd al-Raḥmān Ibn Abī Bakr. *Al-Itqān fī culūm al-Qur'ān*. Tahq. Muḥammad Abū al-Faḍl Ibrāhīm. Kaherah: Dār al-Turāth. 1967.

Al-Thacālibī, Abū Manṣūr. *Al-Kināyah wa al-tacrīd*. Thq. Muḥammad Ibrāhīm Sulaim. Kaherah: Maktabah Ibn Sinā. 1991.

Al-Zamakhsharī, Maḥmūd ibn cUmar. *Al-Kashshāf can ḥaqā'iq al-tanzīl wa cuyūn al-aqāwīl fī wujūh al-ta'wīl*. Cet.3. Kaherah: Dār al-Rayyān. 1998.

Azman Azizan. *Kiasan bahasa Arab dan bahasa Melayu: suatu kajian perbandingan*. Tesis sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. 2004.

Ḥasan Ṭabal. *Ḥawl al-icjāz al-balāghī fī al-Qur'ān*. Manṣūrah: Maktabah al-īmān. 1999.

Ibn Athīr, Muḥammad Muḥyī al-Dīn cAbd al-Ḥamīd. *Al-Mathal al-sā'ir*. Beirut: al-Maktabah al-cAṣariyyah. 1990.

Ibn Manẓūr, Jamāl al-Dīn Muḥammad ibn Mukram. *Lisān al-cArab*. Beirut: Dār Ṣādir & Dār Beirut. 1968.

Leech, Geoffrey. *Prinsip pragmatik*. Terj. Azhar M. Simin. Kuala Lumpur: DBP. 1993.

Muslim, Muslim ibn al-Hajjaj ibn Muslim. *Ṣaḥīḥ Muslim bi sharḥ al-Nawawī*. Beirut: Dār al-Kutub al-cIlmiyyah. 2000.

Yayan Nurbayan. (2010). Pengembangan materi ajar balagaha berbasid pendekatan kontrastif, *Bahasa dan Seni*, vol. 38 (1), 107-116.  
Zuhaylī, Wahbah. *Al-Tafsīr al-munīr fī al-caqīdah wa al-sharī'ah wa al-manhaj*. Beirut: Dār al-Fikr. 1986.